



MENUMPANG GEMBIRA: Presiden Persisi, Haji A. Rahim Dayan (kiri sekali), dan Haji Sidek (tengah, berkaca mata) turut gembira bersama para pesilat Balai Rakyat Pasir Panjang atas kejayaan mereka.

Jadi juara tiga kali berturut-turut ³

Pusat Berita
KEMAMPUAN dan kegigihan — itulah dua prinsip utama yang mendorong para pesilat Balai Rakyat Pasir Panjang ini untuk menjadi juara silat antara balai rakyat (lihat gambar).

Kejayaan mereka itu lebih istimewa kerana inilah kali ketiga berturut-turut mereka menyangang Keju-

raan Silat Antara Balai Rakyat yang berlangsung di Kompleks Sukan Delta Ahad malam lalu.

Ini bermakna Piala Pusingan Sidek Saniff menjadi milik mereka sepenuhnya.

Menurut guru silat kumpulan itu, Encik Rosli Mokhtar, 30 tahun, walaupun kumpulannya pernah men-

jadi juara dua kali, mereka tidak mengambil sikap mudah.

Malah, latihan mereka dijalankan dengan serius empat kali seminggu sejak dua tahun lalu, khusus sebagai persiapan bagi pertandingan tersebut.

Katanya: "Saya dan semua peserta berasa amat

gembira, kerana nampaknya usaha kami membawa hasil yang cukup membanggakan.

"Untuk membuat persiapan menghadapi pertandingan itu, kami telah menolak semua undangan mengadakan pertunjukan silat."

Beliau telah mengajar silat di balai rakyat tersebut sejak lapan tahun lalu.

21 JUL 1987